

# Perbincangan ilmiah hadapi Islamofobia

**Putrajaya:** Pendekatan dan jawapan terhadap sebarang fahaman perkauman sempit serta fasisme terhadap umat Islam oleh kumpulan ekstrim, perlu berpaksi kepada perbincangan yang menganjurkan persefahaman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan sebarang wacana yang diadakan dalam membincangkan Islamofobia, bukan penganjuran pertentangan atau dilihat sebagai tentangan terhadap ideologi Barat.

“Sering kali saya menganjurkan dengan mengingatkan bahawa walaupun tema Islamofobia kerana kebetulan ia menjadi suatu permasalahan besar dengan

kebangkitan fahaman perkauman sempit, rasisme atau fasisme, ada yang dikatakan ekstrim kanan yang muncul di beberapa negara.

“Tetapi juga mengajak perbincangan dan wacana supaya cara kita menjawab dan respon kepada permasalahan ini juga berdasarkan wacana akhlah, tradisi akhlah, perbincangan ilmiah bukan permusuhan yang berlarutan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapnama pada Forum Antarabangsa mengenai Islam dan Islamofobia: Ke Arah yang Bermakna Penglibatan Melalui Pendekatan Madani, di sini, semalam.

Anwar menegaskan, perbincangan mengenai Islamofobia bukan melawan Barat, penjajahan, imperialisme, penindasan ketidakadilan yang berlaku.

Beliau berkata, pandangan bahawa semua orang Barat dan Eropah adalah Fasis, berpunca daripada kejahilan dan tiada toleransi dalam masyarakat Islam.

Justeru, apabila membincangkan mengenai Islamofobia, perlu ada kekuatan dan keberanian untuk terus menganjurkan perbincangan antara Timur dan Barat.

Perdana Menteri berkata, kebimbangan beliau adalah bagaimana isu Islamofobia ditangani termasuk di negara ini.

“Di negara ini, Alhamdulillah, kami tidak berdepan masalah sel pengganas. Saya bersyukur agensi risikan, polis dan tentera berwaspada dalam hal ini,” katanya.

Namun, beliau berkata, kerajaan tetap berdepan dengan segelintir pihak yang melabelkan orang bukan Islam yang tidak sependapat dengan mereka sebagai kafir Harbi iaitu golongan yang memerangi Islam.

Berikutan itu, Anwar mencadangkan supaya wacana berkaitan Islamofobia pada masa hadapan turut membabitkan kumpulan pakar dalam Islam dan agama lain di Malaysia serta Barat untuk duduk bersama dalam forum sedemikian.